

Nelayan dinasihat jangan tuba ikan sungai di Pahang

SU 26/11/2020 m/s 22

KUANTAN - Nelayan sungai di Pahang dinasihatkan tidak menggunakan kaerah tuba atau meracun ikan kerana ia memberi kesan buruk dan mengakibatkan habitat ikan pupus.

Ahli Dewan Undangan Negeri Bebar, Datuk Mohammad Fakhruddin Mohd Ariff berkata, kaerah meracun ikan menggunakan karbofuran, methomil dan potas boleh mendedahkan keracunan kimia kepada hidupan itu.

"Penggunaan bahan ini sebenarnya akan memberi kesan tidak baik kepada habitat di Sungai Pahang dan boleh menjelaskan sumber bekalan ikan sungai.

"Jadi, kita mahu tindakan ini

dihentikan segera bagi memastikan pelbagai spesies ikan sungai di Pahang tidak akan pupus," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* di sini semalam.

Kelmarin, Jabatan Perikanan Negeri Pahang melepaskan lebih 6,000 benih ikan lampam sungai dan baung sempena Program Pemuliharaan dan Perlindungan Sumber Perikanan Darat di Kampung Padang Rumbia, Pekan.

Beliau yang juga Exco Sains, Teknologi, Inovasi, Komunikasi dan Multimedia Negeri berkata, kerajaan melalui Jabatan Perikanan mengambil inisiatif melaksanakan program pemuliharaan sumber ikan dengan melepaskan benih

ikan di semua sungai di Pahang.

"Walaupun hanya 20 hingga 30 peratus benih-benih ikan berjaya hidup dan membesar, namun usaha sebegini perlu dilaksanakan bagi memastikan sumber ikan sungai terus kekal serta tidak pupus," katanya.

Sementara itu, Pengarah Perikanan Pahang, Abdullah Jaafar berkata, sebanyak 61,300 ekor benih ikan pelbagai spesies telah dilepaskan di 10 lokasi sungai di Pahang secara serentak.

Menurutnya, antara lokasi pelepasan benih ikan itu ialah di Sungai Benus, Kampung Janda Baik, Bentong melibatkan 11,300 ekor benih ikan kelah dan lampam sungai; Tasik Selembang, Kampung Gua, Lipis dan Sungai Klau, Felda Lembah Klau, Raub masing-masing 5,000 ekor benih ikan lampam).

Lokasi lain ialah di Sungai Kiol, Lembah Kiol, Jerantut, Sungai Pahang di Kampung Bangau Tanjung, Temerloh; di Kampung Lubuk Paku, Maran; dan di Kampung Padang Rumbia, Pekan.

Turut terlibat Sungai Bera, Bera; Sungai Keratong di Kampung Rekoh, Rompin, dan Sungai Ulu Kuantan di Kawasan Rekreasi Pasir Puteri, Kuantan.

Mohammad Fakhruddin melepaskan ikan sungai pada program pemuliharaan dan perlindungan sumber perikanan darat di Kampung Padang Rumbia, Pekan kelmarin.

